

3/12/2015
m/s 36

FOTO: MOHD FADLI HAMZAH



50 peratus warga asing

■ Kastam percaya suspek digajikan majikan untuk jual rokok seludup

Lebih 50 peratus daripada 1,003 jumlah tangkapan berhubung kes pengedaran dan penjualan rokok seludup di seluruh negara bermula Januari hingga 31 Oktober lalu adalah membabitkan warga negara asing.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Datuk Matrang Suhaili berkata, siasatan mendapati warga asing terbabit dipercayai digajikan majikan masing-masing atau menyewa lesen perniagaan serta menjual rokok seludup.

Menurutnya, pihaknya akan mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengenakan tindakan lebih tegas terhadap peruncit yang terbabit dalam penjualan rokok berkenaan.

“Antara tindakan boleh



PROSES pelupusan rokok lucut hak di Bahagian Penguatkuasaan Kastam, Dengkil.

dikenakan ialah membatalkan lesen perniagaan selain menarik balik penyewaan premis yang dimiliki agensi kerajaan.

“Tindakan tegas juga akan diambil terhadap peniaga menyewa lesen perniagaannya kepada warga asing yang

terbabit dalam penjualan rokok seludup,” katanya pada sidang media di Bahagian Penguatkuasaan Dengkil, JKDM di sini, semalam.

Katanya, JKDM turut menerima sokongan daripada Majlis Perbandaran Sandakan, Sabah dan Majlis Perbandaran

Ampang Jaya untuk mengambil tindakan tegas kepada mereka yang terbabit.

Pada masa sama, Matrang berkata, seramai 1,020 individu dipercayai terbabit dengan pengedaran dan penjualan rokok seludup dan sebanyak 495 juta batang ro-

kok dirampas berdasarkan rekod sepanjang tahun ini sehingga 31 Oktober lalu.

“Rokok yang dirampas ini bernilai RM40.25 juta dengan duti cukai membabitkan RM255.28 juta, manakala sebanyak 489 kes didakwa di mahkamah.

“Seramai 498 individu didakwa dan daripada jumlah itu, 154 individu dikenakan hukuman dipenjara,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya akan meneruskan kerjasama strategik dengan agensi penguatkuasaan lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK) dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) dalam melaksanakan misi khas membanteras rokok seludup.

Katanya, kerjasama dengan Jabatan Imigresen juga akan dilakukan bagi mengusir keluar warga asing yang dikenakan hukuman penjara selepas tamat tempoh hukumannya.